



**The Smarter & Effective Learning Approach**

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah  
Edubest

Tahap SM5

Modul 503B-1  
Sistem & Aplikasi Bahasa

Nama : \_\_\_\_\_

## Format Peperiksaan Bahasa Melayu SPM Mulai 2021

### Ujian Bertulis

#### Kertas 1 (2 jam)

- A (30%) : 1 Karangan Bahan Rangsangan (Kombinasi Pelbagai Bahan Rangsangan)  
B (70%) : Karangan Umum (pilih 1 daripada 4 soalan)  
4 domain : individu (diri), awam (masyarakat), pendidikan, kerjaya

#### Kertas 2 (2 jam 30 minit)

- A (35%) : Sistem dan Aplikasi Bahasa
1. Morfologi (6%-8%)
  2. Sintaksis (6%)
  3. Penyuntingan (Membetulkan kesalahan bahasa) (11%-13%)
  4. Bahasa Melayu Standard (Bahasa Melayu Klasik -> Bahasa Melayu Standard) (6%)
  5. Peribahasa (4%)
- B (35%) : Pemahaman
6. Pemahaman petikan umum (4 soalan ; 12 %)
  7. Pemahaman petikan sastera (antologi) (4 soalan ; 13%)
  8. Novel (2 soalan; 10 %)
- C (30%) : 9. Rumusan (30%)

### Ujian Lisan

#### Kertas 3 (70%) : Ujian Bertutur

- A (40%) : 1 petikan / bahan rangsangan setiap calon; bersoal jawab dengan pentaksir  
(3-5 minit)
- B (30%) : 1 tajuk / tema umum; perbincangan dalam kumpulan 3-5 orang  
(12-15 minit)

#### Kertas 4 (30%) : Ujian Mendengar (30 minit)

4-6 petikan; jawab semua 20-25 soalan

A. Morfologi

**Kata Ganda**

*Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan dua kata ganda penuh dan satu kata ganda separa. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat tanda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Zainal bersama-sama keluarganya tinggal di Kampung Bukit Mahkota. Rumah mereka kerap dinaiki air dan keadaan ini betul-betul mengganggu kehidupan mereka. Mereka sudah tidak sanggup berpindah-randah untuk mencari tempat yang sesuai. Namun demikian, pada kali ini, mereka benar-benar akan mengambil tindakan yang sama, iaitu berpindah ke tempat lain. Langkah ini tidak diambil terburu-buru kerana keputusan ini telah difikirkan masak-masak oleh keluarga Zainal. Dalam hal ini, mereka tidak akan melupakan jasa orang-orang kampung dan saudara-mara yang sering membantu mereka. Bagi Zainal pula, dia sukar untuk melupakan kawan-kawannya yang sama-sama berenang dan bermandi-manda di sungai. Keputusan yang diambil oleh keluarga Zainal untuk berpindah memang wajar tetapi menjadi kenang-kenangan yang sukar dilupakan.

i. Kata ganda penuh : \_\_\_\_\_; \_\_\_\_\_

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

ii. Kata ganda separa : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[6 markah]

## B. Sintaksis

### **Menukarkan Jenis Ayat**

*Berdasarkan petikan di bawah, bina ayat tanya bagi ayat-ayat yang bergaris dengan menggunakan **kata tanya** yang betul.*

Humairah seorang budak perempuan yang berumur 12 tahun. (1) Humairah sungguh teruja kerana hari ini ialah hari pertama dia bersekolah di sekolah menengah. (2) Setelah selesai perhimpunan rasmi, semua penuntut diarahkan untuk masuk ke dalam kelas masing-masing. (3) Humairah ditempatkan di dalam kelas yang pertama, iaitu kelas Tingkatan 1 Melati. (4) Cikgu Balqis memulakan sesi perkenalan pada hari itu.

"Nama saya Nurul Humairah binti Muhammad Sabri. (5) Kami sekeluarga baru berpindah ke kampung ini dua minggu yang lalu." (6) Humairah memulakan sesi perkenalan kerana dia duduk di barisan paling hadapan.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_

[6 markah]

### C. Penyuntingan Bahasa

Dalam **petikan 1**, terdapat **enam kesalahan bahasa**, manakala **petikan 2** terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikannya lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

#### Petikan 1

Menerusi belanjawan 2021, diramalkan banyak lagi insentif dan insentif yang dijangka akan diumumkan oleh kerajaan. Hal ini penting untuk membantu kelangsungan kehidupan rakyat Malaysia bukan setakat dalam jangka pendek masa tetapi juga jangka masa panjang. Pelbagai insentif yang diumumkan oleh kerajaan dalam pakej ekonomi berkenaan dijangka akan diteruskan dalam perbelanjaan pada tahun 2021. Antaranya, bantuan diberikan untuk rakyat yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan rendah 40 peratus (B40) berkeluarga dan bujang, serta golongan berpendapatan sederhana 40 peratus (M40) berkeluarga dan bujang. Dana bantuan ini disalurkan oleh pelbagai agensi kerajaan di samping meningkatkan kemahiran baharu kepada mereka yang kehilangan pekerjaan, khususnya yang melibatkan kemahiran menggunakan teknologi digital bagi meraih sumber pendapatan baru.

No.	Kesalahan	Pembetulan
1		
2		
3		
4		
5		
6		

[6 markah]

## Petikan 2

Belakangan ini, kes buli dalam kalangan murid sekolah semakin jadi-jadian. Baru-baru ini, tiga murid sekolah menengah ditahan selepas video mereka yang sedang membelasah seorang murid tular di media sosial. Tidak cukup dengan itu, satu lagi video menjadi tular apabila sekumpulan murid sekolah asrama membelasah seorang murid yang gagal membelikan ayam goreng untuk kumpulan pembuli tersebut. Berbagai pihak sedang berusaha untuk mencari penyelesaian demi keselamatan anak-anak di sekolah.

No.	Kesalahan	Pembetulan
1		
2		
3		
4		
5		

[5markah]

## D. Alih Bahasa

Nota :

Bahasa Melayu klasik ialah bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam ke Nusantara. Sebelum itu, masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu Kuno.

Bahasa Melayu Klasik mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- i. Ayatnya panjang, berulang, dan berbelit-belit
- ii. Banyak menggunakan ayat pasif dan susunan songsang
- iii. Kosa kata klasik yang digunakan adalah seperti *ratna mutu manikam*, *edan kesmaran* (*mabuk asmara*), *sahaya*, *masyghul* (*bersedih*)

- iv. Kata pangkal ayat seperti *sebermula*, *alkisah*, *hatta*, *adapun* banyak digunakan.
- v. Partikel *pun* dan *-lah* juga banyak digunakan.
- vi. Aksara jawi banyak digunakan, iaitu aksara yang dipinjam daripada bahasa Arab yang telah ditambah dengan beberapa huruf tambahan.
- vii. Pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi dimasukkan dalam pelbagai bidang Bahasa seperti bidang ilmu keagamaan, undang-undang, kesusasteraan, pemerintahan dan pentadbiran, perubatan, falsalah, tasawuf dan kata-kata umum.
- viii. Frasa dan ayat pengaruh Arab terutama dalam kitab-kitab klasik Melayu seperti frasa *ketahuilah olehmu*, maka *kemudian daripada* itu, atau pada ayat *sunat terbuka atas tamar* dan lain-lain. Frasa dan ayat bentuk ini wujud hasil daripada terjemahan harfiah daripada teks bahasa Arab.

#### Kaedah untuk Menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard

- a. Baca dan fahami petikan bahasa Melayu klasik untuk memahami maksud secara keseluruhan.
- b. Kenal pasti watak dan peranannya.
- c. Perkataan seperti; *hatta*, *arakian*, *syahadan*, dan *kalakian* digugurkan kerana tidak digunakan dalam bahasa Melayu Moden.
- d. Namun demikian, kosa kata daripada bahasa istana seperti *beradu*, *santap*, *mangkat*, *bersiram*, *geringdan* sebagainya hendaklah dikekalkan.
- e. Kata ganti nama diri seperti *baginda*, *banda*, *anakanda*, *permaisuri*, *kekanda* dan lain-lain juga dikekalkan.
- f. Proses alih bahasa hendaklah dilakukan ayat demi ayat seperti menukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah.
- g. Semua dialog yang terdapat dalam teks klasik hendaklah ditukarkan dalam teks bahasa standard.
- h. Jangan mentafsir atau membuat ulasan cerita dalam teks tersebut kerana akan menyebabkan berlaku tokok tambah isi atau fakta. Hal ini menyebabkan isi terpesong.

- i. Keseluruhan leks hendaklah dialihbahasakan. Jangan tinggalkan atau gugurkan mana-mana ayat atau bahagian teks.
- j. Anda boleh mengganti sesetengah kata/diksi sekiranya perlu diubah asalkan tidak mengubah maksud asal kata tersebut.
- k. Setiap ayat yang dibuat perlu memperlihatkan kohesi dan koheren sehingga menghasilkan alih bahasa yang tepat.

Latihan :

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?"

*Dipetik daripada cerpen 'Burung Terbang Dipiskan Lada' dalam antologi Sejadah Rindu*

---

---

---

---

---

---

---

---

(6 markah)



## E. Peribahasa

*Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

1. Arham memang tidak berminat dan tidak suka bergaul dengan kawan-kawannya ketika di kampung. Akan tetapi, setelah dia melanjutkan pelajarannya di institusi pengajian tinggi, sikapnya sudah mula berubah dan dia sudah pandai menyesuaikan diri dengan sesiapa sahaja. Dia juga menjadi seorang yang peramah dan banyak bercakap. Hal ini demikian kerana dia sedar akan pentingnya hidup bermasyarakat kerana setiap anggota masyarakat itu biasanya akan bergantung pada anggota masyarakat yang lain.

[3 markah]

i.

ii.

iii.

2. Kita perlulah pandai membawa diri dan menyesuaikan diri apabila berada di tempat orang. Kalau kita tidak pandai menyesuaikan diri, sudah tentu hidup kita akan susah dan terumbang-ambing tanpa haluan. Selain itu, ilmu pengetahuan penting untuk diperolehi, jadi penuhkanlah dada dengan seberapa banyak ilmu sebagai bekalan. Untuk mendapatkan ilmu kita perlulah merantau ke mana-mana sahaja di atas muka bumi ini.

[3 markah]

i.


ii.

iii.





## Pelan Lokasi



**The Smarter & Effective Learning Approach**

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>